

MUSAFEN TABLET 10MG

Baclofen (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan MUSAFEN
2. Bagaimana MUSAFEN berfungsi
3. Sebelum menggunakan MUSAFEN
4. Cara menggunakan MUSAFEN
5. Semasa menggunakan MUSAFEN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MUSAFEN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan MUSAFEN

MUSAFEN digunakan untuk merawat kekejangan otot yang berlaku dalam pelbagai penyakit seperti sklerosis berbilang, penyakit atau kecederaan saraf tunjang. MUSAFEN tidak dapat melegakan kekejangan otot yang timbul disebabkan penyakit Parkinson atau strok.

Bagaimana MUSAFEN berfungsi

MUSAFEN tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai relaksan otot. Ubat ini mengurangkan tekanan berlebihan dalam otot anda yang menyebabkan kekejangan dan kesakitan. Ini akan membantu meningkatkan mobiliti anda dan aktiviti harian anda akan lebih mudah diurus.

Doktor anda mungkin membekalkan ubat ini untuk tujuan yang lain.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan MUSAFEN dibekalkan kepada anda.

Sebelum menggunakan MUSAFEN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Baclofen, bahan aktif
- Sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil MUSAFEN selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula menggunakan MUSAFEN

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Beritahu doktor jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- Epilepsi atau sawan
- Sakit mental
- Ulser perut
- Penyakit buah pinggang
- Penyakit hati
- Masalah paru-paru atau penafasan

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil MUSAFEN.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan MUSAFEN boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Ubat yang digunakan untuk merawat penyakit kencing manis
- Ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi
- Ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan

Doktor anda akan memberitahu anda apa yang perlu dilakukan jika anda mengambil mana-mana ubat ini.

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengambil mana-mana ubat ini, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil MUSAFEN atau yang perlu dilakukan.

Cara menggunakan MUSAFEN

- Berapa banyak harus digunakan

Rawatan MUSAFEN biasanya dimulakan dengan dos yang rendah dan kemudiannya dinaikkan dengan perlahan-lahan sehingga dos yang memberi kesan yang terbaik untuk anda.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak pil yang perlu diambil setiap hari dan masa pengambilan ubat.

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti.

Dewasa

Rawatan dimulakan dengan dos 5mg 3 kali sehari. Dos optima biasanya di antara 30 – 75mg sehari.

Kanak-kanak

Ubat ini haruslah diberikan dengan penuh hati-hati kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

Mulakan rawatan dengan dos yang sangat rendah.

- Bila perlu digunakan

Ambil MUSAFEN bersama makanan dengan sedikit air.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil MUSAFEN selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil MUSAFEN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda terlebih mengambil ubat ini, anda mungkin akan rasa pening, lemah atau keliru, penglihatan kabur, muntah-muntah, cirit-birit, masalah pernafasan, pengsan atau sawan.

Semasa menggunakan MUSAFEN

- Perkara yang perlu dilakukan

Sebelum memulakan sebarang ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil MUSAFEN.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil MUSAFEN.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil MUSAFEN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil ubat anda dengan tiba-tiba atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana MUSAFEN mempengaruhi anda. MUSAFEN mungkin menyebabkan rasa mengantuk atau kurang daya tumpuan di kalangan sesetengah orang. Jika keadaan ini berlaku, jangan memandu, mengendalikan jentera atau melakukan apa-apa yang mungkin membahayakan.

Berhati-hati apabila minum alkohol semasa mengambil ubat ini. Gabungan ubat dengan alkohol akan menyebabkan anda lebih

mengantuk dan kurang daya tumpuan.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khawatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Berikut adalah kesan sampingan yang pernah dilaporkan:

- Rasa mengantuk
- Rasa pening, gayang
- Rasa loya, muntah-muntah
- Mulut kekeringan
- Sakit kepala
- Sembelit
- Cirit-birit
- Deria rasa berubah
- Kerap buang air kecil

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan MUSAFEN

Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan MUSAFEN atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil MUSAFEN atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Pil berbentuk bulat, berwarna kuning, 7mm diameter dengan tanda 'DUOMA/DUOMA' dan 'd'.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Baclofen

Bahan tidak aktif:

- Sodium starch glycolate
- Laktosa
- Pewarna kuning
- Tepung jagung
- Polyvinylpyrrolidone
- Magnesium stearate
- Silicon dioxide

- Nombor MAL
MAL20002272A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
03/02/2016

Nombor Siri
BPFK(R4/1)131015/00358